

Pastikan perubahan, anjakan lebih rancak

Anwar mahu tindakan proaktif terus lonjak pertumbuhan ekonomi negara

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Malaysia memerlukan anjakan serta perubahan yang lebih rancak dan bermakna untuk terus melonjakkan pertumbuhan ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata, jika perubahan itu tidak dilakukan, ini berisiko menyebabkan negara kembali kepada keadaan ekonomi muram dan lembap.

“Ketika ini, semakin ramai rakyat yang menerima hakikat Malaysia memerlukan anjakan serta perubahan yang lebih rancak dan bermakna untuk terus melonjakkan pertumbuhan ekonomi negara,” katanya di platform X, semalam.

Pada masa Sama, Perdana Menteri berkata, pihaknya mahu semua pihak memanfaatkan kestabilan politik di Malaysia yang berjaya dikecapi kini untuk menambah baik tatakelola dalam pentadbiran kerajaan.

Beliau berkata, kestabilan politik itu juga penting untuk dimanfaatkan bagi menjulang amalan pengurusan beramanah serta bertanggungjawab dengan matlamat mengangkat martabat, darjat negara.

Mengulas lanjut katanya, pentadbiran kerajaan berasaskan tatakelola yang semakin baik kini, mula membuah hasil apabila

perkembangan ekonomi dilihat positif sejak kebelakangan ini.

“Perkembangan positif ekonomi itu turut disumbangkan oleh penggubalan dasar yang jelas membabitkan sektor perindustrian, transformasi digital, tenaga dan semikonduktor dilaksanakan kerajaan.

“Pastinya kita masih punya banyak ruang untuk memperbaiki prestasi ini.

“Saya percaya dengan semangat melaksanakan perubahan sedaya upaya dan keikhlasan berkhidmat dari hati nurani yang bersih, kita berupaya memenuhi potensi Malaysia jadi antara negara hebat di dunia,” katanya.

Bincang isu serantau

Perdana Menteri kini berada di Vientiane, Laos sejak Selasa lalu bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN ke-44 dan ke-45 serta Sidang Kemuncak Berkaitan.

Sidang Kemuncak ASEAN ke-44 dan ke-45 serta Sidang Kemuncak Berkaitan akan berlangsung selama tiga hari sehingga hari ini, menjadi platform untuk negara anggota membincangkan isu serantau dan antarabangsa.

Perdana Menteri bersama delegasi Malaysia turut makan malam di kediaman rasmi Duta Besar Malaysia ke Laos untuk beramah mesra bersama kakitangan kedutaan di Vientiane.

Beliau berkata, pertemuan itu turut dimanfaatkan bagi menzahirkan penghargaan atas komitmen dan khidmat cemerlang kedutaan yang memainkan peranan penting meyakinkan pelabur untuk memilih Malaysia sebagai destinasi pelaburan.

“Terima kasih atas layanan mesra dan hidangan yang cukup enak,” katanya.

Sementara itu, Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul, berkata Perdana Menteri

meminta Parlimen di negara ASEAN memberi ruang yang lebih kepada ahlinya untuk melontarkan pandangan tanpa mengehadkan idea mereka.

Katanya, saranan itu disampaikan Perdana Menteri dalam Sesi Bersemuka Pemimpin ASEAN bersama Wakil Perhimpunan Antara Parlimen ASEAN (AIPA) pada Sidang Kemuncak ASEAN ke-44 dan ke-45 serta Sidang Kemuncak Berkaitan di sini, kelmarin.

“Saranan Perdana Menteri itu bagi memastikan pandangan itu (oleh Ahli Parlimen) boleh memberikan idea baharu. Apatah lagi bukan sahaja ASEAN, malah Asia akan menjadi medan ekonomi yang terbaik selepas ini.

“Saya kira kita harus sedia menerima hakikat di luar, masalah sedang membengkak, tetapi kita harus perkukuhkan kedudukan kita dan penduduk ASEAN berjumlah 680 juta. Kita harus memanfaatkannya,” katanya.

Selain itu, Johari yang bakal mengambil alih jawatan Presiden AIPA 18 Oktober ini berkata, antara perkara yang menjadi tumpuan pada sesi berkenaan ialah kepentingan hubungan rapat antara semua kerajaan dan dewan di negara ASEAN supaya apa yang dihasratkan rakyat dapat disambut dengan tindakan segera oleh eksekutif.

“Dari sudut keselamatan dan kerjasama serantau, kita mahu perkemaskan kedudukan supaya menjadi zon yang mengekalkan keamanan dan harus kekal neutral serta tidak berpihak.

“Kita juga lihat bagaimana kedamaian dapat dicapai di Myanmar tanpa mendesak mereka, tetapi dengan membuka jalan supaya perbincangan berlaku dan ruang untuk negara itu memperbaiki keadaan supaya tidak melarat keluar,” katanya.